

**Sila semak semasa dilafazkan**

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KEMPEN  
GERAKAN KELUARGA BAHAGIA  
DI KEDAH  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 1999  
JAM 9.00 PAGI**

-----  
*"Bersama Keluarga ke Alaf Baru:  
Sehati, Sejiwa, Seharmoni*

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berjumpa pada pagi yang mulia ini bagi meraikan sepuluh tahun pelaksanaan program Gerakan Keluarga Bahagia. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di atas penghormatan yang diberikan kepada saya bagi merasmikan majlis program kempen Gerakan Keluarga Bahagia peringkat Negeri Kedah.

2. Tema yang dipilih untuk kempen Gerakan Keluarga Bahagia kedua ini iaitu "Bersama Keluarga ke Alaf Baru: Sehati, Sejiwa dan Seharmoni" adalah wajar sekali. Saya percaya kita semua boleh bayangkan dalam kita melangkah ke alafbaru dan untuk mencapai status negara maju institusi keluarga akan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Dalam hal ini keluarga sebagai unit asas dalam masyarakat perlu diberi sokongan dan perhatian dari semua pihak.

3. Kita ingin melihat institusi keluarga di negeri Kedah terus kukuh dan berfungsi sebagai wadah pembentukan generasi yang cemerlang dan berkualiti. Membentuk kecemerlangan dan kebahagiaan dalam kehidupan berkeluarga bukanlah satu usaha yang mudah, namun ianya bukanlah perkara yang mustahil untuk dicapai. Yang penting setiap individu perlu sedar bahawa ianya banyak bergantung kepada usaha, azam atau iltizam dan keyakinan diri yang tinggi. Tidak dinafikan hampir kesemua pasangan suami isteri hari ini mengakui mereka tahu dan faham tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing. Walaubagaimanapun tidak semua berkemahiran dan berkebolehan melaksanakan peranan dan tanggungjawab tersebut dengan baik. Di samping itu ramai yang didapati lalai dan hanyut dalam arus pembangunan sehingga keluarga menjadi mangsa keadaan.

4. Sehubungan dengan ini, pembentukan keluarga yang sehati, sejiwa dan seharmoni menuntut setiap ahlinya mengamalkan nilai-nilai positif seperti hormat menghormati, bertolak ansur, maaf memaafi dan seumpamanya. Sebaliknya, nilai-nilai negatif seperti tidak bertolak ansur, bersikap kasar, selalu tidak berpuashati dan sebagainya perlu dikurangkan malah dikikis sama sekali. Secara tradisi, bapa selaku ketua keluarga disamping berperanan sebagai pencari nafkah

utama perlu menjaga kepentingan keluarganya, bertanggungjawab dan tidak bersikap melepaskan tangan. Sementara ibu pula, bersesuaian dengan sifat lemah lembutnya, berperanan menyemai dan memupuk nilai-nilai murni serta membaja perasaan setiap ahli keluarganya dengan kasih sayang, sentuhan kemesraan dari segi fizikal dan emosi serta sebagai pendorong dan penasihat.

5. Seseorang bayi itu dilahirkan suci dan fitrah. Ibu bapalah yang mencorakkan kehidupannya samaada dia menjadi sempurna ataupun sebaliknya. Tanggungjawab tersebut tidak pernah berakhir. Bermula dengan kehadiran janin di alam rahim dan berterusan hingga kita menutup mata, di sepanjang tempoh kehamilan, ibu bapa bertanggungjawab menjaga pemakanan, keselamatan dan memberi rangsangan yang sesuai. Apabila dia lahir, dia memerlukan penjagaan rapi serta perlindungan dan kawalan ibu bapa kerana dia merupakan golongan yang sangat sensitif. Ketika dia meningkat remaja pula, emosinya sentiasa melonjak. Lonjakan itu perlu diawasi dan dibimbing serta diimbangi dengan nilai-nilai murni dari semasa ke semasa. Apabila dia melangkah ke alam dewasa dan seterusnya berkeluarga, tugas dan tanggungjawab ibu bapa masih berterusan dengan memberi tunjuk ajar, teguran dan nasihat berguna kepada ahli keluarganya.

6. Keluarga adalah satu-satu institusi yang strategik dan ulung. Namun ilmu lama kekeluargaan telah menjadi lapuk dan perlu diperkukuh dan diperlengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran baru serta prasarana sosial yang bukan sahaja menjadi benteng gejala sosial tetapi menyegarkan dan menyuburkan kesejahteraan insan, keluarga dan masyarakat.

7. Realiti yang perlu dihadapi oleh masyarakat Malaysia masakini ialah institusi keluarga juga terganggu dengan kesan sampingan pembangunan samaada secara langsung ataupun tidak langsung. Antaranya ialah fungsi keluarga sebagai agen sosialisasi dan pendidikan berubah kepada sekolah, pengasuh dan badan-badan agama. Keluarga kini semakin kehilangan pengaruhnya sebagai sumber "Social Capital" yang meliputi norma, rangkaian sosial, keselamatan dan perhubungan di antara kanak-kanak dan orang dewasa di mana sistem nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan telah menjadi rapuh. Justeru itu adalah penting diwujudkan kaedah pembinaan ketahanan untuk menghadapi cabaran supaya dapat dibentuk kehidupan berkeluarga mengikut acuan kita sendiri.

8. Saya merasa bangga kerana Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui agensi-agensinya terutama Lembaga Penduduk dan pembangunan keluarga negara telah memainkan peranan yang aktif dan efektif dalam bidang latihan kemahiran keibu-bapaan. Saya telah difahamkan bahawa Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah berjaya menghasilkan pakej-pakej latihan pembangunan keluarga dan keibu-bapaan di bawah program pemantapan keluarga. Program ini merupakan satu pakej pembangunan keluarga yang komprehensif, pragmatik dan bersepadu meliputi kumpulan sasar keluarga, ibu bapa, bapa, bakal pengantin dan juga remaja.

9. Saya juga ingin menyarankan supaya 'semangat kejiranan' yang menjadi tradisi kita, dapat dikekalkan dalam masyarakat Malaysia. Golongan muda seharusnya menghormati dan menyayangi yang tua sementara yang tua berperanan memberi nasihat dan tunjuk ajar berdasarkan pengalaman mereka.

10. Walaupun peranan ibu bapa itu penting tetapi sokongan dari pihak-pihak lain juga adalah perlu supaya lebih berkesan. Dalam membentuk satu bangsa Malaysia yang sehati, sejiwa dan seharmonis, saya berharap agar Kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan, Swasta dan NGOs tidak mengabaikan peranan dan tanggungjawab sosial masing-masing.

11. Peranan media massa yang kreatif di dalam menyampaikan mesej-mesej yang sesuai boleh mendidik masyarakat supaya berubah sikap dan seterusnya mengamalkan nilai-nilai yang sewajarnya ke arah membina keluarga yang bahagia.

12. Pengetahuan yang mendalam mengenai isu-isu kekeluargaan adalah penting. Kegiatan-kegiatan penyelidikan mengenai keluarga seperti dinamika keluarga, polisi keluarga, impak keluarga dan tren-tren mengenai keluarga perlu dibuat. Dengan ini strategi-strategi baru perlu diwujudkan bagi memenuhi kehendak keluarga dan memantapkan keutuhannya di samping menggalakkan pendekatan yang inovatif mengenai isu-isu kekeluargaan.

13. Justeru itu, sempena dengan kempen Gerakan Keluarga Bahagia ini, saya menyeru kepada ibu bapa yang berada di dewan ini agar sentiasa memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah pembinaan keluarga yang kukuh, bersatu hati dan jiwa. Binalah satu keluarga yang menjadi kebanggaan negara kita atau 'a pride to the nation' iaitu sebuah keluarga yang sentiasa hidup dalam keadaan harmoni dan berkasih sayang, saling menghormati, bantu membantu dan mempunyai hubungan yang kukuh lagi intim di kalangan setiap ahli keluarga. Mudah-mudahan kita dapat melangkah ke alaf baru dengan penuh keyakinan bahawa kita dapat menghadapi segala cabaran yang menanti.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan rasminya melancarkan "Program Kempen Gerakan Keluarga Bahagia Bertemakan: Bersama Keluarga Ke Alaf Baru: Sehati, Sejiwa, Seharmonis" peringkat negeri Kedah.

\*\*\*\*\*